



KETUA PENGARAH PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Director General
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Industries
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA



03-88704009



ukk@dof.gov.my

<https://www.dof.gov.my>

HEBAHAN MEDIA

MOU: JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BERSAMA UNIVERSITI MALAYA (UM), UNIVERSITI KEBANGSAAN AWAM (UKM) DAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

1. Sempena **Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022**, Jabatan Perikanan Malaysia telah memeterai memorandum persefahaman (MOU) bersama Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang hari ini.
2. Pemetraian MOU tersebut disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
3. MOU ini diharap dapat membantu meningkatkan nilai sumbangan produktiviti melalui pemindahan teknologi perikanan perkongsian maklumat saintifik dan perkhidmatan teknikal yang berkualiti untuk pembangunan industri perikanan kepada kumpulan sasaran antaranya bidang penyelidikan iaitu; ekologi perikanan marin dan darat; pembangunan akuakultur moden (pemiak baka); dan oseanografi.
4. Laman Agrofood Perikanan MAHA 2022 pada kali ini memaparkan pelbagai informasi teknikal dan pameran interaktif berkaitan Industri perikanan yang menyumbang 0.8 peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melalui produktiviti berjumlah 1.78 juta tan metrik perikanan dengan nilai RM13.84 bilion. Usaha ini dipaparkan melalui 11 elemen menarik seperti galeri akuakultur, galeri ikan tuna, galeri dunia santuari ikan sungai, galeri hidupan marin, galeri perikanan tangkapan, sangkar ikan, galeri dunia sains akuatik, pameran ikan betta liar dan moden serta jualan makanan.

5. Perkongsian kepakaran di dalam penyelidikan antara Jabatan dan Universiti dalam memenuhi keperluan industri adalah penting terutamanya dalam menyokong agenda sekuriti makanan negara.
6. Kerjasama ini akan menggalakkan industri perikanan dari pelbagai aspek teknikal bagi memenuhi permintaan ikan oleh rakyat Malaysia yang disasarkan sebanyak 2.55 juta tm menjelang 2030.
7. Industri perikanan negara kini menghadapi pelbagai cabaran seperti peningkatan kos pengeluaran, penangkapan ikan yang berlebihan, masalah penyakit ikan serta perubahan iklim dan cuaca yang tidak menentu yang memberi kesan negatif kepada jaminan bekalan ikan.
8. MAHA 2022 Bertemakan “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “Food Security for the Future”, diadakan secara dwi-tahunan ini walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang mempamerkan kemajuan serta pencapaian Malaysia diadakan selama 11 hari bermula 4 Ogos hingga 14 Ogos
9. Hadir sama ke majlis ini iaitu Yang Berbahagia Haji Mohd Sufian Sulaiman, Ketua Pengarah Perikanan yang mewakili pihak Kerajaan; YBrs. Prof. Ir. Dr. Robiah binti Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. UUM- Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, UKM- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) YBhg. Dato' Dr. Wan Kamal Mujan, UM- Prof. Dr. Saiful Anuar Karsani (Pengarah IPPP dan Selaku Pengerusi Kluster Penyelidikan Frontiers of Natural World).

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

5 Ogos 2022 (Jumaat) jam 3.00 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my